

**HUBUNGAN ANTARA BEBAN TUGAS GURU DENGAN MOTIVASI KERJA
DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH DI DAERAH TENOM**

FELIX BIN TOISANG



**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI**

IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2013

ABSTRAK

Hubungan antara Beban Tugas Guru dengan Motivasi Kerja dalam Kalangan Guru di Sekolah Rendah Daerah Tenom

Kajian ini bertujuan untuk menentukan perbezaan beban tugas dan motivasi kerja guru berdasarkan ciri-ciri demografi responden iaitu jantina, taraf pendidikan dan pengalaman mengajar. Kajian juga bertujuan untuk menentukan hubungan antara beban tugas guru dengan motivasi kerja. Sampel kajian terdiri daripada 100 orang guru yang berkhidmat di empat buah sekolah rendah kebangsaan gred A yang mempunyai pelajar lebih daripada 300 orang di daerah Tenom. Data kajian dianalisis menggunakan kaedah ujian-T, ujian ANOVA sehala dan ujian Korelasi Pearson. Keputusan ujian menunjukkan tahap beban tugas dan motivasi kerja yang dihadapi oleh guru-guru di sekolah adalah tinggi iaitu dengan min masing-masing 3.33 dan 3.42. Dapatan kajian menunjukkan bentuk beban tugas guru yang paling tinggi ialah beban tugas akademik rutin dengan min 3.55, diikuti beban tugas bukan akademik rutin 3.43, beban tugas akademik bermusim 3.27 dan beban tugas bukan akademik bermusim 3.24. Keputusan ujian-T dan ujian ANOVA sehala ke atas beban tugas guru menunjukkan tidak terdapat perbezaan beban tugas yang signifikan berdasarkan faktor jantina dan pengalaman mengajar. Keputusan ujian-T dan ujian ANOVA sehala ke atas motivasi kerja pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan faktor jantina, taraf pendidikan dan pengalaman mengajar. Manakala keputusan ujian korelasi antara beban tugas guru dengan motivasi kerja menunjukkan terdapat hubungan lemah (0.232) yang signifikan antara beban tugas guru dengan motivasi kerja.

ABSTRACT

This study aimed to determine the differences in workload and work motivation based on demographic characteristics such as gender, level of education and experience. The study also aims to determine the relationship between teacher workload, job motivation. The study sample consisted of 100 teachers working in four grade "A" primary schools where the student more than 300 people in the district of Tenom. Data were analyzed using t-test, one-way ANOVA and Pearson correlation test. The test results show the level of workload and work motivation faced by teachers in schools is high, with mean scores of 3.33 and 3.42 respectively. The results showed the form that teacher workload is the highest academic workload routine with 3:55 min, followed by routine non-academic workload 3:43, 3:27 seasonally academic workload and seasonal non-academic workload 3:24. T-test results and one-way ANOVA on teacher workload showed no significant difference in the workload based on gender and teaching experience. T-test results and one-way ANOVA test on work motivation showed no significant differences based on gender, level of education and experience. While the correlation of test results between teacher workload, job motivation showed weak correlation (0.232) were significant between teacher workload, job motivation.